

21 JAN 2002

Mahathir-Rel (Bergambar)

KERAJAAN RANCANG BINA REL BERKEMBAR JB KE PADANG BESAR

JOHOR BAHRU, 21 Jan (Bernama) -- Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan terus memaju dan membangunkan sistem pengangkutan rel termasuk pembinaan sistem rel elektrik berkembar dari Johor Baharu ke Padang Besar, Perlis.

Perdana Menteri berkata walaupun pembangunan itu memakan belanja yang banyak sehingga berbilion ringgit, ia merupakan satu pelaburan yang akan menyumbang kepada ekonomi negara.

"Mungkin untung kepada KTM (Keretapi Tanah Melayu Berhad) tidak besar tetapi dengan kemudahan ini lebih banyak tempat akan mendapat nilai tambah dengan adanya perkhidmatan kereta api," katanya ketika merasmikan pentauliah projek sambungan rel ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Wisma PTP hari ini.

Dr Mahathir berkata projek landasan berkembar itu dijangka memakan belanja yang besar memandangkan projek sambungan rel dari Kulai ke PTP sejauh 31.5km itu sahaja pun sudah memakan belanja RM500 juta.

"Itu untuk single track (trek tunggal)... untuk double tracking (trek berkembar) akan melibatkan banyak bilion ringgit," katanya.

Perdana Menteri berkata sekarang kereta api semakin popular bukan sahaja untuk pengangkutan barangan tetapi juga untuk pengangkutan penumpang.

Beliau berkata, walaupun penerbangan mengambil masa yang lebih singkat berbanding perjalanan dengan kereta api untuk ke sesuatu destinasi yang sama tetapi masa yang diambil untuk menuju ke lapangan terbang dan urusan penerbangan juga agak lama.

Di lapangan terbang pula penumpang perlu sampai lebih awal setengah jam atau pun kerana ancaman pegganas sekarang ini mungkin terpaksa sampai di lapangan terbang dua jam lebih awal dan ditambah lagi masa perjalanan dengan teksi dari pusat bandar.

"Kalau dijumlahkan kita akan dapati bahawa walaupun penerbangan mengambil masa yang singkat tetapi urusan untuk perjalanan kita mengambil masa yang panjang," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau bukanlah berkempen untuk mengurangkan penggunaan penerbangan kerana Malaysia juga mempunyai syarikat penerbangan dan ingin lebih ramai rakyat menggunakannya, tetapi begitulah perbandingan masa dengan kereta api yang menuju terus dari satu pusat bandar ke pusat bandar lain.

Perdana Menteri berkata adalah jelas bahawa perkhidmatan rel boleh menjadi perkhidmatan yang sangat efisien, dan oleh kerana Malaysia tidak mampu mempunyai kereta api laju sehingga 280km sejam, lama kelamaan negara mungkin boleh mempunyai perkhidmatan kereta api pada kelajuan 150km hingga 180km sejam.

Dr Mahathir berkata apabila sistem rel elektrik berkembar siap dibina nanti, masa perjalanan dari Singapura ke Kuala Lumpur boleh dipendekkan menjadi selama dua jam 15 minit atau dua-setengah jam.

"Ia mungkin mengambil sedikit masa untuk kita melakukannya dan akan memerlukan perbelanjaan ayang besar tetapi saya menjangka ia akan menjadi pelaburan yang wajar," katanya,

Beliau berkata dalam menjalankan projek seumpama itu kerajaan tidak hanya memikirkan daripada segi keuntungan secara langsung daripada operasi kereta api itu tetapi juga daripada segi kesan sampingan yang boleh diperolehi daripada mempunyai sistem rel seperti itu.

Dr Mahathir menyebut bahawa projek lebuh raya Utara-Selatan telah mendorong pembangunan yang sangat pesat di sepanjang lebuh raya itu dengan kemunculan bandar-bandar baharu yang menarik banyak pelaburan sebagai kesan sampingannya.

"Pada akhirnya tentulah rakyat dan negara yang akan mendapat faedah dan kita akan mencaai kemajuan dengan jauh lebih pesat lagi," katanya.

Sebab itulah, kata beliau, kerajaan rela berbelanja banyak bagi memperbaiki dan mempermodenkan sistem pengangkutan di negara ini.

Dr Mahathir berkata kerana itulah juga kerajaan tetap memberikan sumbangan bagi pembangunan PTP seperti dalam bentuk projek sambungan rel itu walaupun pelabuhan itu diusahakan oleh syarikat swasta.

Katanya, kerajaan juga bersetuju membelanjakan wangnya untuk mendalamkan perairan di PTP supaya pelabuhan itu dapat diperbesarkan dengan enam dermaga lagi.

"Kerajaan rela membantu pembesaran PTP supaya ia dapat mengendalikan lebih banyak kargo dan kontena dan ini akan memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa pelaburan kerajaan untuk tujuan itu bukan bagi mendapatkan keuntungan serta-merta tetapi bagi manfaat dan keuntungan sampingan.

Beliau memberi contoh pembinaan Litar Formula One di Sepang yang menelan belanja RM230 juta, yang sehingga kini belum mencatatkan keuntungan, tetapi secara tidak langsung telah menyumbang kepada pelbagai industri seperti perhotelan, penerbangan dan makan-minum dengan ketibaan 30,000 pelancong setiap kali perlumbaan berlangsung.

Dr Mahathir berkata begitulah pemikiran kerajaan yang bersedia membuat pelaburan dalam pembinaan prasarana bukan untuk mendapatkan keuntungan secara langsung tetapi kerana keupayaan pelaburan itu menjana pertumbuhan ekonomi.

"Bukan secara kebetulan Malaysia telah mencapai pertumbuhan yang jauh lebih pesat daripada kebanyakan negara membangun. Ia mencapai pertumbuha itu kerana kita telah menggunakan apa juga kewangan yang kita punyai dengan cara yang amat berhemat," kata beliau.

Katanya, projek sambungan rel ke PTP sejauh 31.5km dan menelan belanja besar itu merupakan satu contoh projek yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih besar kerana perkhidmatan rel itu akan membolehkan PTP mengendalikan lebih banyak kargo dan kontena.

PTP yang dirasmikan oleh Dr Mahathir pada 13 Mac 2000 mencatatkan pertumbuhan sebesar lima kali ganda dalam jumlah pengendalian kontenanya daripada hanya 418,218 TEU pada tahun 2000 kepada 2.05 juta TEU tahun lepas.

Dr Mahathir mengucapkan syabas kepada pengurusan PTP atas kejayaan itu yang menyumbang kepada pertumbuhan pengendalian kontena oleh pelabuhan-pelabuhan di negara ini.

Perdana Menteri berkata 10 tahun lepas beliau diberitahu bahawa pelabuhan-pelabuhan Malaysia mengendalikan hanya sejuta kontena, pada ketika pelabuhan negara jiran mengendalikan 12 juta kontena, tetapi sekarang antara PTP dengan Pelabuhan Klang sahaja sudah mengendalikan enam juta kontena.

-- BERNAMA

MNY NMO